



JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PAHANG
Bandar Indera Mahkota
25604 KUANTAN
PAHANG DARUL MAKMUR



Tel : 09 - 571 5700
Faks : 09 - 573 4857
Portal : <http://jnpahang.moe.gov.my/>
E-mel : jpn.pahang@moe.gov.my

Ruj. Kami : JPNP.SKPP.01.100-1/20/2Jld.4(3)
Tarikh : 18 Februari 2016
09 Jamadilawal 1437H

Ketua Penolong Pengarah / Ketua Unit
Semua Pegawai Pendidikan Daerah
Semua Pengetua
Semua Guru Besar

Tuan,

**PELAKSANAAN PENGGUNAAN BORANG DAN DOKUMEN
BAGI URUSAN PERSARAAN WAJIB / PILIHAN / TERBITAN
SECARA MEMUAT TURUN DARI LAMAN SESAWANG JPA DAN JPNP**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Sehubungan dengan itu, dimaklumkan bahawa mulai tahun 2016, jabatan ini tidak akan menghantar sebarang borang dan dokumen persaraan tetapi sebaliknya boleh dimuat turun melalui emel (1govuc) Pejabat Pendidikan Daerah / sekolah masing-masing. Tuan hanya perlu memuat turun borang-borang yang berkaitan sahaja mengikut panduan senarai semak seperti di **Lampiran A**, **Lampiran B** dan **Lampiran C** berkembar.
3. Selain dari itu, borang dan dokumen tersebut juga boleh dimuat turun melalui portal Jabatan Pendidikan Negeri Pahang di www.jnpahang.moe.gov.my dan Jabatan Perkhidmatan Awam di www.ipapencen.gov.my.
4. Segala borang dan dokumen bagi persaraan wajib dan persaraan pilihan hendaklah dihantar ke jabatan ini tidak kurang dari 1 tahun daripada tarikh persaraan / permohonan persaraan. Ketidakakuran tuan berkenaan hal ini mungkin akan menjejaskan proses persaraan anggota dibawah pentadbiran tuan kelak.
5. Kerjasama dan keprihatinan tuan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

(MOHD SUBHI BIN HARUN)
Penolong Pengarah
Sektor Khidmat Pengurusan Dan Pembangunan
b.p. Pengarah Pendidikan Pahang

(Sila catatkan rujukan Bahagian ini apabila berhubung)

s.k.

Pengarah Pendidikan Pahang

Timbalan Pengarah Pendidikan Pahang

Semua Ketua Sektor

Fail timbul

C/haizul/Snama pesara